

20 AUG 1998

Megat-harga

TIADA KENAIKAN DRASTIK HARGA BARANG, KATA MEGAT JUNID

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata beliau yakin tidak ada kenaikan drastik harga barangan perlu sehingga akhir tahun ini.

"Dengan adanya pelbagai skim yang akan kami laksanakan, kami yakin dapat menangani sebarang keadaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Ketiga Ekonomi Pengguna dan Keluarga di Universiti Malaya di sini hari ini.

Beliau ketika diminta mengulas sama ada kenaikan harga barangan makanan ialah antara langkah-langkah drastik yang mungkin kerajaan ambil untuk memulihkan ekonomi negara seperti yang dinyatakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin memperkenalkan beberapa tindakan atau pendekatan yang boleh dianggap drastik untuk memulihkan ekonomi negara yang mungkin menakutkan rakyat.

Dalam ucapannya, Megat Junid berkata harga beberapa barangan makanan telah turun akhir-akhir ini terutama sayur-sayuran hasil daripada kempen menggalakkan orang ramai menanam sayur sendiri.

Semasa ditanya mengenai jualan murah yang diadakan oleh banyak pekedai sekarang terutama pasar raya besar, Megat Junid berkata kementerian memberi kelonggaran kepada peniaga untuk mengadakan enam kali jualan murah sepanjang tahun.

Sebelum ini kementerian membenarkan peniaga mengadakan empat jualan murah mengikut masa yang ditetapkan dan dua kali mengikut kehendak mereka dalam setahun.

"Dalam masa kegawatan ekonomi ini, peniaga boleh mengadakan jual murah asalkan pengguna tidak tertipu. Tidak guna implementasikan undang-undang yang terlalu ketat yang menyekat orang nak cari makan," katanya.

Peniaga masih dikehendaki memohon permit daripada kementerian dan memaklumkan mengenai harga murah yang ditawarkan.

"Kementerian akan memastikan harga barang yang ditawarkan dalam jualan murah itu benar-benar murah dan pengguna tidak tertipu dalam keadaan ekonomi sekarang," kata Megat Junid.

-- BERNAMA

NHD MAI